

17/03/2003

Lawatan Pak Lah bukti Pusat serius

KOTA BHARU: Lawatan Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke Kelantan pada 28 Mac ini, menunjukkan sikap prihatin pemimpin kerajaan terhadap rakyat negeri ini.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Mustapa Mohamed, berkata

sempena lawatan sehari itu, Pemangku Presiden Umno akan mengadakan perjumpaan dengan pemimpin parti empat peringkat setiap bahagian.

Katanya, pada perjumpaan itu Abdullah akan memberi nasihat kepada jentera parti supaya bekerja keras bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Kita bersyukur kerana pemimpin kerajaan memberi perhatian serius kepada

Kelantan dan banyak lagi pemimpin kerajaan yang lain datang untuk memberi semangat dan dorongan kepada rakyat.

"Ini adalah lawatan kedua pemimpin kerajaan ke Kelantan selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad datang ke negeri ini pada pertengahan Januari lalu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis sambutan Maal Hijrah 1424/2003 Jabatan/Agensi Persekutuan Negeri Kelantan di Dewan Pusat

Sumber Pendidikan Negeri di Pengkalan Chepa, dekat sini, semalam.

Mustapa yang juga Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) berkata, lawatan itu adalah lanjutan kepada kunjungan pemimpin tertinggi kerajaan dan parti, di samping memberi peringatan kepada jentera

dalam menghadapi pilihan raya umum.

Beliau berkata, acara kemuncak lawatan sehari itu ialah perhimpunan perdana membabitkan puluhan ribu wanita dan tokoh veteran Umno seluruh negeri ini.